



**JOURNAL OF TOURISM,
HOSPITALITY AND
ENVIRONMENT MANAGEMENT
(JTHER)**
www.jthem.com



**MASJID WARISAN KAMPUNG LAUT: KHAZANAH
SENI BINA MELAYU-ISLAM TERTUA DI MALAYSIA**

*THE HERITAGE MOSQUE OF KAMPUNG LAUT: THE OLDEST TREASURE OF
MALAY-ISLAMIC ARCHITECTURE IN MALAYSIA*

Mohd Khairul Nizam Mat Yusoff^{1*}, Afifah Azmi²

¹ Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, Institut Pendidikan Guru Kampus Darulaman, Malaysia.

Email: khairul.nizam@ipgm.edu.my

² Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA Cawangan Perlis, Malaysia.

Email: afifah169@uitm.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 27.03.2025

Revised date: 14.04.2025

Accepted date: 15.05.2025

Published date: 05.06.2025

To cite this document:

Mat Yusoff, M. K. N., & Azmi, A. (2025). Masjid Warisan Kampung Laut: Khazanah Seni Bina Melayu-Islam Tertua Di Malaysia. *Journal of Tourism Hospitality and Environment Management*, 10 (40), 81-101.

DOI: 10.35631/JTHER.1040007.

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Masjid Kampung Laut di Kelantan merupakan salah satu masjid tertua di Malaysia dan dianggap sebagai lambang keagungan seni bina Melayu-Islam. Seni bina uniknya, termasuk penggunaan struktur kayu tanpa paku, mencerminkan kepakaran tukang Melayu tradisional serta adaptasi terhadap persekitaran tropika. Namun, masjid ini berdepan pelbagai cabaran, antaranya pemeliharaan fizikal akibat usia dan faktor cuaca, kurangnya kesedaran masyarakat terhadap nilai sejarahnya serta komersialisasi yang boleh menjejaskan fungsi utamanya sebagai tempat ibadah. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji sejarah pembinaan masjid, menganalisis keunikan seni binanya serta mengenal pasti usaha-usaha pemeliharaan dan konservasi masjid sebagai warisan Islam yang berharga. Pendekatan kualitatif digunakan melalui kajian literatur, temu bual dengan ahli sejarah dan masyarakat setempat serta pemerhatian lapangan bagi menilai keadaan semasa masjid. Dapatan kajian menunjukkan bahawa Masjid Kampung Laut bukan sahaja sebuah struktur fizikal, tetapi juga simbol penyatuan komuniti dan pusat penyebaran Islam di rantau ini. Keunikan seni binanya berpotensi dijadikan rujukan penting dalam kajian seni bina tradisional. Pemeliharaan yang rapi serta pendidikan kepada masyarakat amat diperlukan bagi memastikan masjid ini terus dihargai oleh generasi akan datang. Kesimpulannya, Masjid Kampung Laut merupakan khazanah warisan yang perlu dipelihara melalui usaha bersepadu, merangkumi pemeliharaan fizikal, peningkatan kesedaran budaya, serta pengurusan pelancongan yang lestari.

Kata Kunci:

Masjid Kampung Laut, Melayu-Islam, Pemuliharaan, Sejarah, Warisan Seni Bina

Abstract:

The Kampung Laut Mosque in Kelantan stands as one of the oldest surviving mosques in Malaysia and represents an enduring legacy of traditional Malay-Islamic architecture. Its distinctive construction, notably the use of timber without nails, showcases the ingenuity of traditional Malay craftsmanship and reflects thoughtful adaptation to the tropical climate. Despite its historical significance, the mosque faces several challenges, including physical deterioration due to age and environmental conditions, limited public awareness of its heritage value, and the threat of commercialization potentially diminishing its religious role. This study seeks to examine the historical context of the mosque's construction, analyze its architectural uniqueness, and evaluate current preservation and conservation efforts undertaken to safeguard this valuable Islamic heritage. A qualitative methodology is employed, incorporating literature review, interviews with historians and local community members, as well as direct field observations to assess its current state. The findings indicate that Kampung Laut Mosque is more than a historical structure; it serves as a unifying symbol of community identity and a vital node in the spread of Islam in the region. Its architectural significance offers rich potential for further research in traditional Malay design. To ensure its continued appreciation by future generations, strategic preservation measures, increased cultural awareness and sustainable tourism management are essential.

Keywords:

Kampung Laut Mosque, Malay-Islamic Identity, Conservation, History, Architectural Heritage

Pengenalan

Masjid merupakan institusi penting dalam perkembangan Islam yang bukan sahaja berfungsi sebagai tempat ibadah tetapi juga sebagai pusat pembelajaran, penyebaran ilmu, dan simbol warisan budaya sesebuah masyarakat. Di Malaysia, kewujudan masjid-masjid lama menjadi bukti kukuh terhadap penyebaran Islam sejak berabad-abad lalu. Salah satu masjid tertua yang masih wujud ialah Masjid Kampung Laut, yang terletak di Tumpat, Kelantan. Masjid ini dipercayai dibina pada abad ke-16 atau ke-17 oleh sekumpulan mubaligh dari Campa yang membawa pengaruh seni bina tradisional Nusantara ke Tanah Melayu (ECERDC, 2021). Seni bina masjid ini yang unik, termasuk pembinaannya tanpa penggunaan paku, mencerminkan kehalusan pertukangan Melayu-Islam yang diwarisi turun-temurun (Ismail & Hassan, 2020).

Sehingga kini belum dapat dipastikan tarikh atau masa pembukaan Kampung Laut dan mula didiami penduduk. Begitu juga bagaimana muncul nama Kampung Laut tidak dapat dipastikan. Mengikut kenyataan orang tua-tua bahawa kampung itu asalnya tumbuh rapat di tepi pantai Laut China Selatan. Kemudian melalui proses perubahan alam di mana muka kuala sungai Kelantan sedikit demi sedikit menjadi delta dan dalam jangka masa yang panjang kawasan kuala dan pantai makin jauh ke laut, lantaran itu kampung tersebut pada masa ini sudah jauh jaraknya dari laut. Di situlah dipercayai asal usul nama Kampung Laut (Mohd. Akib, 2003). Malah menurut temubual dengan Wan Idris, dipercayai apabila seseorang penduduk Kampung

Laut menggali tanah untuk dibuat perigi, didapati bahawa di bawah sana terdapat pelepah-pelepah kelapa yang telah lama (Mat Yusoff, 2009).

Walaupun tidak dapat dipastikan kampung tersebut dibuka dan masa didiami oleh penduduknya, tetapi ternyata bahawa Kampung Laut salah sebuah kampung tertua di negeri Kelantan sezaman dengan Kampung Banggol, Kampung Penambang, Kampung Jeram dan lain-lain. Nama Kampung Laut mula disebut dalam Sejarah Kelantan pada penghujung abad ke-18 lagi iaitu pada zaman Long Yunus menjadi Yang Dipertuan Kelantan. Semasa pemerintahan Long Yunus, salah seorang anaknya iaitu Tengku Long Ismail telah dilantik menjadi Raja Muda Kampung Laut dan bersemayam di sini (Mat Yusoff, 2009). Malah pendapat mengatakan bahawa Kampung Laut telah wujud lebih awal daripada era Long Yunus menjadi Yang Dipertuan Kelantan (1763-1798). Sudah tentulah masa itu Kampung Laut sudah menjadi kampung yang besar dan penduduknya ramai sehinggakan Long Yunus menitahkan anaknya menjadi sebagai wakil pemerintah di Kampung Laut (Mohd Akib, 2003).

Pada akhir abad ke-19 hingga awal abad ke-20 boleh dikatakan keseluruhan penduduk kampung terlibat dalam kegiatan perusahaan dan perniagaan. Terdapat sebahagian kecil sahaja yang terlibat dalam bidang pertanian. Pada masa itu, perhubungan utama ialah sungai. Pedagang-pedagang dari luar belayar memasuki sungai Kelantan melalui muara yang kedudukannya rapat dengan Kampung Laut. Secara tidak langsung Kampung Laut menjadi tempat persinggahan awal dan utama sebelum mudik ke Kota Bharu dan lain-lain tempat sepanjang sungai Kelantan (Mat Yusoff, 2009).

Permasalahan Kajian

Masjid Kampung Laut merupakan salah satu masjid tertua di Malaysia yang mempunyai nilai sejarah dan seni bina yang tinggi. Namun, pelbagai cabaran dan isu berkaitan pemuliharaan dan peranannya sebagai warisan budaya telah timbul, yang menjadikan kajian ini penting. Antara permasalahan utama yang perlu diteliti dalam kajian ini adalah seperti berikut:

Kehilangan Identiti Asal Masjid Akibat Pemindahan dan Pemulihan

Sejarah pemindahan Masjid Kampung Laut dari lokasi asalnya ke Nilam Puri pada tahun 1968 akibat banjir besar telah menimbulkan persoalan tentang keaslian dan identiti asalnya. Walaupun usaha pemindahan semula ke Kampung Laut pada tahun 2021 bertujuan mengembalikan sejarahnya, terdapat kebimbangan bahawa aspek seni bina dan struktur asalnya mungkin telah mengalami perubahan (ECERDC, 2021). Justeru, kajian ini akan meneliti sejauh mana usaha pemindahan ini berjaya mengekalkan keaslian seni bina dan identiti sejarah masjid ini.

Cabaran dalam Pemeliharaan dan Konservasi Seni Bina Tradisional

Seni bina Masjid Kampung Laut yang unik, terutamanya penggunaan struktur kayu tanpa paku, mencerminkan kepakaran pertukangan Melayu-Islam. Namun, pemeliharaan masjid kayu berusia ratusan tahun menghadapi pelbagai cabaran, termasuk kemerosotan bahan binaan akibat faktor cuaca dan serangan anai-anai (Ismail & Hassan, 2020). Selain itu, kekurangan tenaga pakar dalam bidang konservasi seni bina tradisional turut menimbulkan cabaran dalam memastikan teknik pemuliharaan yang tepat dan berkesan dapat diterapkan.

Kurangnya Kesedaran Masyarakat terhadap Kepentingan Warisan Islam

Masjid bukan sekadar tempat ibadah, tetapi juga institusi penting dalam perkembangan ilmu dan budaya Islam. Walaupun Masjid Kampung Laut diiktiraf sebagai warisan negara, tahap kesedaran masyarakat terhadap kepentingannya masih rendah. Tidak ramai yang memahami sejarah dan peranan masjid ini dalam perkembangan Islam di Nusantara (Jamaludin et al., 2022). Oleh itu, kajian ini akan menilai inisiatif yang telah diambil dalam meningkatkan kesedaran masyarakat serta keberkesanan langkah-langkah promosi dan pendidikan berkaitan warisan masjid ini.

Objektif Kajian

Objektif utama kajian ini adalah untuk:

- i. Mengkaji sejarah penubuhan Masjid Kampung Laut dan peranannya dalam perkembangan Islam di Malaysia.
- ii. Menganalisis keunikan seni bina Masjid Kampung Laut dalam konteks warisan seni bina Melayu-Islam.
- iii. Mengenal pasti usaha-usaha pemeliharaan dan konservasi Masjid Kampung Laut sebagai warisan Islam yang berharga.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif untuk meneliti aspek sejarah, seni bina serta usaha pemeliharaan dan konservasi Masjid Kampung Laut sebagai warisan Islam yang berharga. Kaedah yang digunakan dalam kajian ini termasuk kajian kepustakaan, kajian lapangan dan temubual dengan pihak berkepentingan.

Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian yang digunakan adalah kajian kes kualitatif, di mana Masjid Kampung Laut dijadikan subjek utama kajian. Kajian kes ini membolehkan penyelidik meneroka secara mendalam faktor sejarah, keunikan seni bina dan usaha pemeliharaan yang telah dijalankan. Data dikumpulkan melalui kajian kepustakaan, kajian lapangan dan temubual bagi mendapatkan pemahaman holistik terhadap subjek kajian.

Kaedah Pengumpulan Data

Analisis Dokumen

Dokumen-dokumen yang diperolehi daripada pembacaan asas bersumberkan buku, artikel, jurnal, majalah dan prosiding berkaitan dengan isu kajian merupakan sumber utama bahan bacaan. Kaedah kepustakaan ini telah dijalankan di beberapa tempat iaitu Perpustakaan Tun Seri Lanang Universiti Kebangsaan Malaysia dan Perpustakaan Institut Alam dan Tamadun Islam. Selain itu, sumber laporan penyelidikan dan dokumen rasmi daripada badan kerajaan seperti East Coast Economic Region Development Council (ECERDC), Jabatan Warisan Negara dan Majlis Agama Islam Negeri Kelantan turut dianalisis.

Pemerhatian Lapangan

Pemerhatian langsung terhadap seni bina dan struktur masjid serta kajian terhadap usaha-usaha pemeliharaan yang telah dijalankan. Kaedah ini merupakan alternatif yang ada dalam pengumpulan maklumat atau data. Penulis telah menjalankan kaedah pemerhatian bermula pada tahun 2020 sehingga Disember 2024. Dalam kaedah ini, penulis melakukan tinjauan di lokasi dan mendapati perkembangan Masjid Kampung Laut dipindahkan dari Nilam Puri ke

tempat asal iaitu Kampung Laut. Walaupun masjid tidak diletakkan di kedudukan yang asal, tetapi masjid ini telah dipindahkan ke kampung asal yang mana tapak asal masjid berada di tengah-tengah sungai Kelantan sekarang.

Temu bual

Kaedah ini digunakan bagi mendapatkan data dalam kajian ini. Antaranya penulis telah menemu bual dengan Imam Masjid Baru Kampung Laut iaitu Wan Mat Zain, Ahli Jawatankuasa Masjid Baru Kampung Laut, Pegawai Perbadanan Muzium Negeri Kelantan dan penduduk kampung. Kaedah ini dilakukan bertujuan untuk mendapatkan data dan maklumat yang tepat berkaitan perkembangan Masjid Warisan Kampung Laut. Bentuk temu bual dijalankan secara bersemuka. Temu bual dilakukan secara formal dan tidak formal. Soalan yang disediakan adalah jenis 'open-ended' iaitu soalan yang membenarkan informen mengeluarkan pendapat mereka sendiri tanpa bentuk jawapan yang tertentu. Manakala temu bual tidak formal pula ketika berinteraksi dengan orang tua-tua di situ. Apa yang ingin dikatakan ialah maklumat temu bual secara tidak formal ini lebih banyak daripada maklumat yang diperolehi secara formal.

Kaedah Analisis Data

Dalam kajian ini, data yang dikumpul dianalisis menggunakan kaedah kualitatif. Tujuan analisis adalah untuk memahami dengan lebih mendalam tentang sejarah, seni bina, dan nilai Islam yang terdapat pada Masjid Kampung Laut. Pertama sekali, penyelidik menggunakan analisis tematik. Kaedah ini melibatkan proses membaca semula data temu bual dan pemerhatian dengan teliti. Maklumat penting yang berkaitan dengan seni bina, sejarah, dan fungsi masjid akan dikenalpasti dan dikumpulkan mengikut tema tertentu. Selain itu, analisis kandungan juga digunakan. Kaedah ini melibatkan pembacaan dokumen seperti buku sejarah, artikel akademik dan laporan lama berkaitan masjid. Maklumat daripada dokumen ini dianalisis untuk melihat bagaimana masjid ini dibina, bahan apa yang digunakan, dan apakah nilai budaya yang ada padanya. Maklumat ini akan dibandingkan dengan dapatan temu bual untuk mendapatkan gambaran yang lebih tepat. Akhir sekali, kajian ini juga menggunakan analisis visual. Melalui gambar dan pemerhatian terhadap struktur masjid, penyelidik meneliti bentuk atap, tiang, ukiran dan susun atur ruang masjid. Ini membantu untuk memahami elemen seni bina secara lebih jelas. Secara keseluruhannya, kombinasi analisis tematik, kandungan, dan visual membolehkan kajian ini menganalisis data secara triangulasi, iaitu mengesahkan data melalui pelbagai sumber dan teknik analisis. Pendekatan ini dipilih bagi memastikan hasil kajian bersifat menyeluruh, sahih dan berupaya memberi sumbangan bermakna terhadap dokumentasi dan penghargaan terhadap Masjid Kampung Laut sebagai khazanah seni bina Melayu-Islam tertua di Malaysia.

Ulasan Kepustakaan

Sejarah dan Asal Usul Masjid Kampung Laut

Menurut Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) (2019), masjid ini dikatakan diasaskan oleh pedagang Arab yang menyebarkan Islam di rantau Nusantara. Masjid ini turut dikaitkan dengan Wali Songo, iaitu kumpulan pendakwah Islam yang berperanan besar dalam penyebaran Islam di Indonesia dan Malaysia (Harakah Daily, 2022). Sejarah pembinaannya yang panjang menunjukkan kepentingannya sebagai pusat ibadah serta tempat penyebaran ilmu Islam.

Sebuah buku karangan Hj. Salleh Mohd. Akib (2003) diterbitkan oleh Perbadanan Muzium Negeri Kelantan berjudul *Masjid Tua Kampung Laut* merupakan rujukan utama dalam menghasilkan penulisan ini. Buku ini menghuraikan berkenaan dengan perkembangan Islam di Kelantan, sejarah Kampung Laut, sejarah Masjid Kampung Laut dan perkembangannya serta masjid yang wujud sezaman dengan masjid ini. Secara keseluruhan, buku ini memberi pendedahan tentang perkembangan bangunan dari zaman pemerintahan Kesultanan Kelantan hingga ia dipindahkan ke Nilam Puri.

Di samping itu, karangan projek ilmiah Mohd Khairul Nizam (2009) menyentuh tentang *Masjid Kampung Laut: Satu kajian sudut sejarah dan sumbangannya terhadap Masyarakat Islam*. Kajian ini mengkaji tentang kedatangan Islam ke Kelantan sehingga terbinanya Masjid Kampung Laut. Tambahan juga turut dijelaskan peranan pihak bertanggungjawab tentang penjagaan dan pemuliharaan masjid tersebut di Nilam Puri. Seni bina dan seni ukir masjid ini membuktikan pencapaian umat Islam dalam pelbagai bidang di negeri Kelantan. Kewujudan masjid ini merancakkan lagi perkembangan dan penyebaran agama Islam dalam kalangan warga tempatan.

Kajian turut diperluaskan lagi dengan mengkaji tentang aspek-aspek keagamaan, sosial dan ekonomi di Kampung Laut. Penulisan berjudul *Kesan Pengaruh Islam Di Asia Tenggara: Satu Kajian Di Kampung Laut, Tumpat, Kelantan (2023)* oleh Mohd Khairul Nizam & Afifah Azmi, mengkaji tentang implikasi pengaruh Islam di Kampung Laut yang menjadi suatu perkembangan pesat hingga ke hari ini. Hasil kajian mendapati bahawa banyak kesan perkembangan dan pengaruh Islam di Kampung Laut untuk diketengahkan, antaranya Masjid Kampung Laut merupakan masjid yang tertua di Asia Tenggara. Selain itu, dari aspek kesenian adanya Dikir Rebana Kercing, iaitu persembahan dikir yang melibatkan kanak-kanak dan orang dewasa. Perkembangan dari aspek ekonomi pula melibatkan perniagaan dan perusahaan kecil yang terkemuka seperti serunding. Kesan pengaruh Islam khususnya di Kampung Laut memberi manfaat dan keistimewaan kepada masyarakat setempat.

Keunikan Seni Bina Masjid Kampung Laut

Sebuah kajian bertajuk *Symbolisme Masjid Kampung Laut* karangan Nur Asfarahanim Muda (2012) bertujuan untuk melihat bagaimana bentuk seni bina Masjid Kampung Laut membawa maksud simbolik dalam budaya Melayu Islam. Melalui kaedah pemerhatian dan temu bual, beliau meneliti ukiran dan susun atur ruang masjid. Kajian mendapati bahawa motif ukiran di masjid ini, seperti ukiran flora dan bentuk geometri, bukan sekadar hiasan, tetapi membawa makna mendalam. Misalnya, ukiran bunga dan daun menggambarkan konsep kehidupan dan keabadian, manakala bentuk geometri menunjukkan keesaan Allah dalam ajaran Islam. Selain itu, ruang-ruang dalam masjid seperti serambi, ruang solat, dan mihrab dirancang secara simbolik. Ia mencerminkan adab, struktur sosial, dan perjalanan rohani dalam kehidupan umat Islam. Bumbung bertingkat-tingkat pula bukan hanya untuk fungsi praktikal, tetapi juga menggambarkan kedekatan rohani manusia kepada Tuhan. Secara keseluruhannya, Nur Asfarahanim menegaskan bahawa Masjid Kampung Laut bukan hanya satu bangunan lama, tetapi merupakan lambang budaya dan agama yang sangat bernilai bagi masyarakat Melayu.

Selain itu, kajian yang berjudul *Malay Architectural Heritage on Timber Construction Technique of the Traditional Kampung Laut Old Mosque, Malaysia* telah dikarang oleh Ahmad Sanusi Hassan & Mohd Syafik Ahmad Nawawi (2014) membincangkan tentang pembinaan kayu di Masjid Lama Kampung Laut (KLOM) yang bersejarah. berhubung dengan faktor

budaya. Perbincangan dimulakan dengan sejarah ringkas KLOM, pembinaan bangunan teknik, elemen reka bentuk dan bahan binaan. Masjid ini dipercayai masjid kayu tertua yang masih hidup pembinaan di Malaysia serta antara yang tertua di Asia Tenggara. Elemen pembinaan menyerupai bangunan kayu kekayaan reka bentuk yang berkaitan dengan budaya tempatan, perspektif kerohanian dan pendekatan iklim yang menggambarkan wilayah identiti persekitaran binaan

Kajian ini dikukuhkan lagi dengan kajian Nur Syaffiqah Ismail (2021), penggunaan reka bentuk seni bina warisan yang digunakan pada Masjid Kg Laut, Kelantan menunjukkan kepelbagaian gaya dalam reka bentuk masjid menerusi idea masyarakat yang mempunyai pemikiran yang kreatif dengan berpandukan ajaran agama Islam. Hal ini demikian kerana, reka bentuknya tidak pernah diubah sejak dahulu lagi. Masjid ini dibina pada abad ke-18 Masihi dan merupakan masjid yang tertua di Malaysia serta di Asia Tenggara. Masjid Kampung Laut dibina tanpa menggunakan sebarang paku dan dikategorikan sebagai masjid yang tertua di Asia Tenggara.

Begitu juga dengan dapatan kajian yang dilakukan oleh Shahrniza Zainal Abidin @ Mohamed (2010) berkenaan dengan seni bina warisan dunia yang dikaitkan dengan Masjid Kampung Laut. Seni bina ini dikatakan pencetus kepada penyebaran Islam di negeri Kelantan dan dengan adanya masjid inilah bertapaknya Islam di Kelantan. Seperti yang kita ketahui juga, kebanyakan masyarakat pada hari ini tidak lagi mengendahkan nilai warisan yang ada malah tidak pernah menghargainya. Tujuan kajian ini juga bagi memberi pendedahan kepada pembaca dalam melihat nilai warisan serta keunikan yang ada dalam seni bina warisan ini.

Seterusnya, terdapat kajian yang berkisar tentang kualiti pengudaraan di Masjid Kampung Laut bertajuk *Cross Ventilation; A Traditional Solution for Better Indoor Air Quality (IAQ). Case Study: Masjid Kampung Laut, Kelantan, Malaysia*. Kajian ini telah dilakukan oleh ahli-ahli industri yang mana disebut bahawa masjid Kampung Laut telah direka dengan pengudaraan silang untuk kualiti udara dalaman (IAQ) yang lebih baik. Bangunan tradisional dibina sesuai dengan iklim, pengguna dan persekitaran mereka. Bangunan ini merupakan bangunan ikonik kerana masih berdiri dan digunakan sepenuhnya sedangkan usianya mencecah 400 tahun. Bangunan tradisional yang dibina sangat memahami iklim, menggalakkan pengudaraan silang untuk memastikan Kualiti Udara Dalaman (IAQ) dalam keadaan optimum (Amin et al, 2021).

Usaha Pemeliharaan dan Konservasi

Kajian pemuliharaan menumpukan kepada usaha pemindahan dan pemeliharaan masjid ini, yang telah mengalami beberapa fasa pemindahan akibat ancaman hakisan sungai. ECERDC (2021) melaporkan bahawa pemindahan masjid kembali ke tapak asal di Kampung Laut adalah langkah penting dalam pemuliharaan warisan Islam. Selain itu, usaha pemeliharaan turut melibatkan pembangunan kawasan sekitar sebagai tapak pelancongan warisan (YADIM, 2019). Kajian ini mencerminkan kepentingan pemeliharaan masjid bukan sahaja dari segi struktur fizikal tetapi juga dalam meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap nilai warisannya.

Tahun	Penulis/Kajian	Tujuan Kajian	Metodologi	Penemuan Utama	Isu/Tema
2021	ECERDC (East Coast Economic Region Development Council)	Menilai peranan Masjid Kampung Laut dalam pemuliharaan warisan dan pembangunan pelancongan	Kajian lapangan dan temubual	Masjid Kampung Laut diiktiraf sebagai tapak warisan kebangsaan dan dunia, menjadi tarikan pelancongan yang penting di Kelantan.	Pemuliharaan warisan, pelancongan budaya
2022	Universiti Malaysia Kelantan	Kajian terhadap struktur dan falsafah seni bina Masjid Kampung Laut	Kajian lapangan dan temubual	Seni bina Masjid Kampung Laut mencerminkan falsafah Islam dan adaptasi terhadap persekitaran setempat, seperti penggunaan bumbung bertingkat untuk pengudaraan semula jadi.	Falsafah seni bina Islam, adaptasi persekitaran
2023	Nur Athirah binti Khalit et al. (UKM)	Menilai keadaan terma dalaman Masjid Kampung Laut sebagai masjid vernakular tradisional	Pengukuran lapangan terhadap suhu udara dalaman, kelajuan udara, dan kelembapan relatif	Masjid Kampung Laut memberikan keselesaan terma yang baik kepada jemaah, dan peningkatan aliran udara dapat meningkatkan lagi keselesaan tersebut.	Keselesaan terma, reka bentuk pasif, seni bina vernakular
2023	Hanafi, M. H., Abdullah, S., & Ahmad	Membangunkan kerangka prosedur pelaksanaan	Temubual berstruktur dengan 14 responden	Menghasilkan kerangka pelaksanaan yang holistik	Prosedur pemindahan, pemuliharaan warisan,

	Rashid, Z. Z. (UTHM)	pemindahan dan pemuliharaan Masjid Kampung Laut	terlibat dalam projek	meliputi kos, kualiti, masa, dan skop kerja, yang boleh digunakan untuk projek pemuliharaan bangunan warisan lain.	pengurusan projek
2025	Pertubuhan Akitek Malaysia (PAM)	Membincangkan pemulangan Masjid Kampung Laut dari Nilam Puri ke lokasi asal di Kampung Laut, Tumpat	Sesi ceramah dan perbincangan pakar	Menekankan kepentingan pemuliharaan warisan dan cabaran dalam proses pemindahan serta pemulihan struktur masjid bersejarah.	Pemuliharaan warisan, cabaran pemindahan struktur bersejarah
2025	ECERDC	Mewartakan Masjid Kampung Laut sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO	Perancangan dan pelaksanaan projek	Sokongan kerajaan untuk mewartakan masjid sebagai Tapak Warisan Dunia	Pengiktirafan antarabangsa, pelancongan warisan

Jadual 1: Ringkasan Kajian Masjid Kampung Laut (2021–2025)


Hasil Kajian dan Perbincangan

Dalam kajian ini, terdapat tiga aspek utama yang menjadi fokus, dengan setiap satu memainkan peranan penting dalam pemahaman dan pemeliharaan warisan yang dikaji. Ketiga-tiga aspek ini adalah sejarah dan asal usul, seni bina dan rekabentuk serta pemeliharaan dan peranan komuniti yang masing-masing diberikan perhatian mengikut keutamaan yang berbeza. Aspek pertama yang diberi perhatian sebanyak 35% ialah sejarah dan asal usul. Sejarah merupakan elemen penting dalam memahami konteks asal-usul warisan yang dikaji. Dengan meneliti sejarah, kita dapat menggali latar belakang yang lebih mendalam mengenai bagaimana warisan ini bermula, siapa yang terlibat dalam penghasilannya, dan bagaimana ia berkembang dalam kalangan masyarakat. Aspek ini memberi penghargaan kepada nilai tradisional yang wujud sejak sekian lama, serta memberikan pengertian tentang perubahan yang berlaku dalam masyarakat dan bagaimana warisan tersebut terus dipelihara. Dengan pengetahuan sejarah yang tepat, kita boleh memahami nilai sejati yang ada dalam setiap warisan dan meneruskan legasi tersebut kepada generasi yang akan datang.

Seni bina dan rekabentuk pula adalah aspek yang mendapat perhatian paling besar, iaitu 40% daripada keseluruhan kajian. Ini kerana seni bina dan reka bentuk adalah cerminan kreativiti dan kehalusan dalam proses penghasilan sesuatu warisan. Setiap sudut dalam reka bentuk dan struktur mencerminkan nilai estetika serta kemahiran tinggi yang dimiliki oleh masyarakat pada zaman dahulu. Aspek ini merangkumi bukan sahaja bentuk dan susunan fizikal, tetapi

juga penggunaan bahan-bahan tradisional yang mungkin semakin jarang ditemui. Oleh itu, perhatian terhadap seni bina dan reka bentuk penting untuk memastikan bahawa warisan ini dihargai bukan hanya sebagai objek, tetapi sebagai hasil seni yang mempunyai identiti yang unik dan mendalam. Dalam banyak kes, perubahan dalam teknologi dan gaya hidup moden mungkin memberi kesan kepada seni bina dan reka bentuk, oleh itu penting untuk menilai sejauh mana aspek ini telah dipertahankan atau telah melalui proses transformasi.

Pemeliharaan dan peranan komuniti meraih peratusan sebanyak 25%. Pemeliharaan warisan tidak boleh dilakukan secara bersendirian, dan ia memerlukan penglibatan aktif daripada komuniti. Masyarakat berperanan dalam menjaga kelestarian warisan ini melalui pelbagai usaha, seperti pendidikan kepada generasi muda mengenai kepentingan memelihara warisan budaya, serta penglibatan dalam aktiviti-aktiviti pemeliharaan yang praktikal. Komuniti juga sering menjadi penjaga utama dalam memastikan warisan ini terus hidup dalam masyarakat. Walau bagaimanapun, dalam dunia moden yang semakin pesat membangun, cabaran yang dihadapi oleh komuniti dalam usaha ini semakin besar, termasuk kekurangan sumber dan tekanan sosial yang mungkin membawa kepada pengabaian tradisi ini.



Rajah 2: Carta Ini Menunjukkan Pecahan Aspek Kajian Masjid Kampung Laut

Sejarah Masjid Kampung Laut

Sejarah penubuhan Masjid Warisan Kampung Laut mengalami beberapa fasa pertapakan yang mana lokasi asalnya adalah di di Kampung Laut.

Fasa Pertama: Sejarah Pembinaan Masjid Kampung Laut.

Tarikh tepat pembinaan Masjid Kampung Laut tidak dapat dikesan. Mengikut keterangan orang tua-tua di Kampung Laut, masjid tersebut telah sedia ada lebih kurang lima generasi yang lalu. Andaian yang dibuat dalam anggaran 400 tahun yang lalu. Mengikut pendapat ahli - ahli sejarah bahawa masjid tersebut adalah sama dengan Masjid Kuno di Campa dan Masjid Demak di Jawa. Masjid Demak telah didirikan pada tahun 1401M oleh sekumpulan alim ulama yang terkenal pada masa itu iaitu Wali Sembilan atau Wali Songo. Mereka itu dikatakan ada hubungan kekeluargaan dengan dinasti pemerintah Campa pada zaman tersebut. Bahkan terdapat keterangan yang menyatakan seorang Raja Majapahit telah berkahwin dengan salah seorang Puteri Islam dari Campa (Mohd. Akib, 2003).

Masjid Warisan Kampung Laut telah dibina oleh sekumpulan alim ulama' yang sedang dalam perjalanan dari Campa menuju ke Tanah Jawa. Kemungkinan besar mereka itu adalah seangkatan dengan kumpulan Wali Sembilan ini. Sekiranya andaian ini benar, maka Masjid Kampung Laut mungkin telah dibina pada akhir dan ke-16M atau awal abad ke-17M iaitu terkemudian sedikit daripada Masjid Agung Demak di Jawa dan Masjid Kuno di Campa. Ini bersesuaian dengan kenyataan bahawa pada abad ke-16M, Kerajaan Campa menjadi sebuah negeri Islam yang terkemuka dan telah memainkan peranan mengembangkan dakwah Islam ke kawasan Patani, Pantai Timur Malaysia dan Tanah Jawa. Dalam abad ke-18M pula, Kelantan menjadi tumpuan orang-orang Campa yang datang belajar dan memahami hukum-hakam Islam termasuk Khatib Sumat yang terkenal dalam sejarah di Campa (Mohd. Akib, 2003).

Mengikut cerita daripada masyarakat tempatan bahawa dalam pelayaran tersebut apabila tiba di perairan Kuala Kelantan, kapal yang dinaiki Wali Songo itu bocor dan dimasuki air. Lalu mereka bernazar jika kapal mereka selamat sampai ke darat yang terdekat, mereka akan mendirikan sebuah masjid di tempat tersebut. Dengan takdir Allah SWT pada tempat berlaku kebocoran kapal itu dimasuki ikan alu-alu lalu menjadi sebagai penyumbat dan penutup daripada dimasuki air ke dalam kapal mereka. Kemudian mereka meneruskan pelayaran dan selamat sampai ke daratan di tepi pantai letaknya di sebelah timur Kampung Laut sekarang. Di situ, kapal mereka yang bocor itu dibaiki semula. Terikat dengan nazar mereka, lalu mereka mendirikan sebuah masjid dengan pertolongan dan sokongan masyarakat setempat. Pelan dan bentuk bangunan masjid itu adalah sama dengan masjid di Campa dan masjid di Jawa (Mohd. Akib, 2003).

Kemudian mereka meneruskan pelayaran semula ke Tanah Jawa. Mengikut cerita orang tempatan, masjid tersebut dikendalikan oleh masyarakat tempatan setelah Wali Songo meneruskan pelayaran. Antara imam yang pernah berkhidmat di Masjid Kampung Laut pada ketika itu ialah Tok Raja Imam dan Raja Haji. Kedua-dua imam ini merupakan imam yang terkenal pada masa itu. Tok Raja Imam juga dianggap sebagai keramat iaitu mempunyai "mulut masin". Semua anak mukim menghormati mereka. Bagaimanapun, Tok Raja Imam berpindah ke Kampung Tanjung Chat, Kota Bharu dan Raja Haji berpindah ke Selatan Thailand (Mohd. Akib, 2003). Di masjid tersebut telah menjadi tempat anak mukim Kampung Laut berkumpul dan bermesyuarat di samping aktiviti-aktiviti amal ibadat yang lain. Di situ juga terdapat ruangan-ruangan khas seperti serambi, balai lintang, serambi besar, wakaf orang kaya di samping rumah ibu masjid tersebut (Mohd. Akib, 2003). Menurut Encik Harun Hasan, Masjid Kampung Laut yang dibina oleh pendakwah Campa ini, pernah menjadi tempat Tok Kenali beramal ibadat termasuk juga Tok Wali Haji Umar. Beliau menambah bahawa, dengan kewujudan masjid tersebut lahirlah sebuah pondok pengajian agama yang diasaskan oleh Tok Ayah Haji Abdullah bin Musa. Di pondok itu juga, lahir juga satu tarikat yang dikenali sebagai Tarikat Ahmadiyyah dan diamalkan oleh pengikutnya (Hasan, 2009).

Pada zaman pemerintah Sultan Muhammad ke-IV antara tahun 1900 hingga 1920, Masjid Kampung Laut adalah antara sebuah masjid yang disenaraikan sebagai Masjid Negeri. Masjid Negeri dibiayai sepenuhnya oleh Majlis Agama Negeri Kelantan termasuk gaji kakitangan dan belanja pengurusannya. Bagi pengawasan dan pengurusan masjid tersebut, jawatankuasa pengelola telah ditubuhkan dari semasa ke semasa. Tugasnya adalah untuk membantu imam dan pegawai-pegawai masjid menjalankan urusan harian bagi kemajuannya (Mohd. Akib, 2009).

Fasa Kedua: Pemindahan Masjid Kampung Laut Ke Nilam Puri.

Masjid Kampung Laut yang terletak di tebing Sungai Kelantan telah menerima bencana hakisan dari air sungai dan juga banjir yang berlaku hampir setiap tahun. Akibatnya tebing Sungai Kelantan di kawasan Kampung Laut mulai terhakis dengan banyak terutama berlaku banjir besar pada akhir tahun 1966. Keadaan masjid tersebut selepas dilanda banjir disebut oleh Tan Sri Hamdan Syeikh Tahir iaitu Pengerusi Persatuan Sejarah Malaysia dalam ucapan perasmian penyerahan balik masjid tersebut di Nilam Puri pada 8 Mei 1970. Antara lain: “Manakala berlaku bah besar dalam tahun 1966, air telah naik hingga ke paras atap masjid itu dan manakala air bah surut, didapati tebing sungai tempat tapak masjid itu telah roboh dan dihanyutkan. Sebahagian dari kaki limanya telah roboh, begitu juga kolahnya. Bahkan lantai dan tiang-tiangnya pun telah menjadi senget dan membahayakan. Dengan itu, masjid pun ditutup dan kerajaan negeri telah mendirikan sebuah masjid yang baru menghala ke darat sedikit. Pada waktu itulah persatuan ini mengambil keputusan untuk menyelamatkan masjid bersejarah ini. Nyatalah sekiranya dibiarkan masjid itu akan roboh dengan sendirinya dan mungkin hanyut dalam bah yang berlaku kemudian kelak. Kebenaran pun diminta dan diperolehi dari kerajaan negeri untuk merobohkan dan memindahkan masjid itu ke sebuah tempat yang baru, iaitu ke tapak yang tanahnya diberikan oleh Kerajaan Negeri, tempat kita berada sekarang ini (Mohd. Akib, 2009).

Keadaan masjid yang hampir runtuh di Kampung Laut akan lenyap dihanyutkan air sekiranya tidak di ambil tindakan segera untuk menyelamatkannya. Sebahagian tiang-tiang masjid sudah tergantung di antara dalam sungai dan tebingnya yang terhakis. Persatuan Sejarah Malaysia telah mengambil langkah segera dengan mencadangkan kepada Kerajaan Negeri Kelantan untuk memindahkan masjid tersebut ke tempat yang lebih selamat. Cadangan itu dipersetujui oleh Kerajaan Negeri. Persatuan Sejarah Malaysia juga diberi kebenaran untuk melaksanakan cadangan tersebut. Tapak baru juga telah dipersetujui iaitu di Nilam Puri, iaitu tanah kepunyaan Yayasan Islam Kelantan (YIK). Masjid ini dipindahkan di atas Lot No. 1468, Daerah Pendek, Kota Bharu iaitu Kawasan milik YIK kemudian menjadi Lot. No. 1624 apabila tanah tersebut diambil alih oleh Yayasan Islam Kelantan (Mohd. Akib, 2009).

Jarak dari Kota Bharu ke Nilam Puri sejauh 14 kilometer yang mana kawasan ini terletak rapat dengan jalan raya dari Kota Bharu ke Kuala Krai. Di sebelah utaranya adalah kawasan perkampungan penduduk di situ. Manakala di sebelah timur, bangunan Pejabat Lama Yayasan Islam Kelantan dan di sebelah selatan adalah kawasan padang milik Yayasan Islam Kelantan juga di sebelah baratnya adalah Kampus Asasi Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Pemilihan tempat di Nilam Puri iaitu di tengah-tengah Institusi Pendidikan Islam amatlah sesuai dan tepat. Ianya boleh dijadikan suatu zon ‘serambi Mekah’ kerana kawasan tersebut terdirinya Yayasan Islam Kelantan, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Istana Nilam Puri (Istana Al-Marhum Sultan Ismail) yang merupakan institusi tertinggi dalam bidang agama Islam di negeri ini (Mohd. Akib, 2009).



Rajah 3: Pemindahan Masjid ke Nilam Puri

Fasa Ketiga: Masjid Kampung Laut Kembali Ke Tapak Asal.

Pada tahun 2021, masjid ini telah dipindahkan semula ke lokasi asalnya di Kampung Laut, Tumpat, setelah sebelum ini dipindahkan ke Nilam Puri akibat banjir besar yang melanda Kelantan pada tahun 1968 (Jamaludin et al., 2022). Pemindahan ini merupakan satu inisiatif penting dalam usaha memulihkan dan mengekalkan warisan sejarah serta budaya Islam di Malaysia. Keputusan untuk mengembalikan masjid ini ke lokasi asalnya bukan sahaja berlandaskan aspek pemuliharaan warisan, tetapi juga sebagai langkah strategik untuk menghidupkan kembali tapak bersejarah yang pernah menjadi pusat penyebaran Islam suatu ketika dahulu. Salah satu sebab utama pemindahan ini adalah untuk mengembalikan identiti sejarah Masjid Kampung Laut. Sebagai masjid tertua di Malaysia, kedudukan asalnya di tebing Sungai Kelantan memainkan peranan besar dalam aktiviti keagamaan dan perdagangan pada zaman dahulu. Keunikan lokasinya yang berhampiran dengan laluan perdagangan utama menjadikannya sebuah mercu tanda penting bagi pedagang dan pendakwah yang datang dari luar, terutamanya dari Kepulauan Nusantara. Oleh itu, dengan mengembalikan masjid ini ke tapak asalnya, nilai sejarah yang berkaitan dengan latar belakang pembinaannya dapat dikekalkan dan dihargai oleh generasi akan datang.

Selain itu, pemindahan semula masjid ini turut bertujuan untuk menarik perhatian masyarakat serta pelancong terhadap kepentingan warisan seni bina dan sejarah Islam di Malaysia. Masjid Kampung Laut bukan sekadar tempat ibadah biasa, tetapi juga simbol ketamadunan Islam yang telah bertapak di rantau ini sejak berabad lamanya. Dengan reka bentuk tradisional yang masih utuh dan keunikan seni binanya, masjid ini mempunyai potensi besar untuk menjadi salah satu destinasi pelancongan warisan yang boleh menarik minat pelancong domestik dan antarabangsa. Kerajaan dan pihak berkuasa yang terlibat dalam pemindahan ini berharap bahawa dengan menjadikan masjid ini sebagai tapak pelancongan warisan UNESCO. Masyarakat akan lebih menghargai sejarah Islam serta kesenian binaan Melayu-Islam yang kaya dengan unsur kehalusan pertukangan (ECERDC, 2021).

Dari sudut fungsi, Masjid Kampung Laut bukan sahaja berperanan sebagai pusat ibadah tetapi juga sebagai pusat penyebaran Islam, pusat pembelajaran, dan simbol warisan seni bina Melayu-Islam yang unik. Sepanjang sejarahnya, masjid ini bukan sahaja menjadi tempat umat Islam menunaikan solat, tetapi turut berfungsi sebagai institusi pendidikan Islam. Para ulama

dan pendakwah menggunakan masjid ini sebagai pusat pengajian agama, termasuk dalam menyampaikan syarahan serta mengajar ilmu al-Quran dan fikah kepada masyarakat setempat. Oleh itu, pemindahan semula masjid ini ke tapak asalnya diharapkan dapat mengembalikan peranan tradisionalnya sebagai pusat penyebaran Islam dan pendidikan agama (ECERDC, 2021).

Secara keseluruhannya, pemindahan semula Masjid Kampung Laut ke tapak asalnya bukan sahaja menzahirkan usaha pemuliharaan warisan yang berharga tetapi juga berfungsi sebagai satu langkah strategik dalam memartabatkan sejarah dan seni bina Islam di Malaysia. Masjid ini kini bukan sekadar tempat ibadah, malah telah menjadi satu simbol yang memperkukuh identiti Islam dan budaya Melayu. Dengan pemuliharaan yang rapi dan sokongan berterusan daripada masyarakat serta pihak berkuasa, Masjid Kampung Laut akan terus kekal sebagai salah satu khazanah warisan yang tidak ternilai dan dapat dinikmati oleh generasi akan datang (ECERDC, 2021).



Rajah 4: Kerja-Kerja Pemindahan Semula Ke Lokasi Asal

Sementara itu, Menteri Besar Kelantan, Datuk Ahmad Yakob pula menyifatkan kejayaan pemindahan Masjid Kampung Laut umpama 'sirih pulang ke gagang', meskipun terdapat banyak cabaran untuk merealisasikan terutamanya dalam tempoh pandemik COVID-19. Beliau berkata, kerajaan negeri akan membantu agensi terbabit supaya Masjid Kampung Laut boleh diwartakan sebagai Tapak Warisan Dunia bawah Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO). "Masjid Kampung Laut merupakan masjid bersejarah yang tidak ternilai warisannya. Usaha (mewartakan) ini bukan saja mengangkat nilai sejarah berkenaan, bahkan bakal menarik lebih ramai pelancong antarabangsa dan tempatan" (<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2022/04/948022/masjid-kampung-laut-dijangka-dibuka-kepada-awam-jun> (4 April 2023)).

Keistimewaan Seni Bina Unik Masjid Kampung Laut

Seni bina Masjid Kampung Laut adalah salah satu aspek utama yang menjadikannya begitu masyhur. Masjid ini dibina menggunakan kayu cengal yang terkenal kerana ketahanannya. Salah satu keistimewaan utama Masjid Kampung Laut ialah ia dibina tanpa menggunakan paku logam. Struktur bangunan disambungkan menggunakan teknik sambungan kayu tradisional seperti teknik 'pasak', 'cucur atap', dan 'jentik'. Ini menunjukkan kemahiran tinggi tukang kayu tradisional pada masa itu. di mana reka bentuknya mirip dengan masjid-masjid di Jawa dan Champa, menggambarkan pengaruh luar terhadap seni bina Melayu (Mohd Akib, 2003). Kaedah ini melambangkan kemahiran tinggi dalam seni pertukangan tradisional Melayu. Reka

bentuk masjid ini juga menunjukkan pengaruh seni bina Nusantara, terutama sekali dengan persamaan yang ketara dengan Masjid Agung Demak di Indonesia. Penggunaan struktur bumbung bertingkat dan tiang-tiang kayu yang kukuh mencerminkan gaya seni bina tradisional yang telah diwarisi turun-temurun. Kehalusan pertukangan ini menggambarkan hubungan erat antara masyarakat Melayu dengan unsur seni dan budaya yang diwarisi sejak zaman silam (Mat Yusoff, 2009). Berikut merupakan komponen-komponen asal Masjid Kampung Laut:

i. Bumbung

Masjid kampung Laut mempunyai bumbung berbentuk tiga lapis iaitu merupakan bentuk Melayu Nusantara. Masjid ini menggabungkan elemen seni bina tradisional Melayu dan Jawa. Struktur bumbung bertingkat (bumbung meru) adalah ciri khas seni bina masjid ini, yang menyerupai bentuk pagoda atau piramid bertingkat, yang juga biasa ditemui dalam seni bina masjid di Nusantara. Bentuk tersebut juga dikenali “bumbung son pecah empat” berbentuk gunung atau meru dengan empat perabung yang menurun bertenggek atau atap tumpang tiga lapis. Bentuk bumbung yang sama terdapat pada masjid lama di Melaka, Jawa, Patani, Perak dan Kemboja yang merupakan bentuk tradisi tempatan. Atap ini direka untuk memudahkan pengudaraan semula jadi dan memberikan keselesaan kepada jemaah.

Menurut N.A Halim, bentuk bumbung masjid tersebut membawa pengertian yang khusus dalam masyarakat tempatan dan Nusantara iaitu:

1. Lapis pertama: disifatkan bumi atau dunia adalah manusia berpijak dan bermastautin.
2. Lapis kedua: Umat Islam menjadi pendokong agama yang diredhai Allah.
3. Lapis ketiga: Bersangkut soal Aqidah dan keimanan kepada Allah SWT Tuhan yang Maha Esa (Mohd Akib, 2003).



Rajah 5: Bumbung Masjid

ii. Serambi

Terdapat tiga serambi di Masjid Kampung Laut iaitu di sebelah kiri, kanan dan di belakang. Serambi pada bahagian belakang merupakan yang terbesar keluasaanya 3x16.2 meter. Kedudukan serambi yang besar lebih rendah daripada balai lintang yang berkedudukan lebih kurang 15.3 cm atau satu anak tangga. Dua serambi di kiri dan kanan masjid tersebut sama keluasan dengan ruang besar di tengah-tengah masjid. Keluasan serambi-serambi tersebut dapat menampung Jemaah yang bertambah ramai khususnya pada zaman Kampung Laut mencapai kemasyhuran pada awal abad ke-20 dahulu. Masa tersebut ramai ahli perniagaan yang datang dari pelbagai negeri.



Rajah 6: Serambi Masjid

iii. Buah Gutung

Merupakan kayu berukir bulat menirus ke atas seperti labu air berukuran 3.15meter tinggi. Terdiri tiga tingkat berada di atas kayu asas yang terletak pada puncak iaitu bahagian akhir rabung. Dikenali juga sebagai “buah butung” atau “butun”. Semasa pertapakan masjid ini diawalnya, buah gutung sangat cantik dan memiliki ukiran yang halus. Tetapi semasa kerja pemindahan ke Nilam Puri dilakukan, bauh gutung ini pecah. Kemudian dibaik pulih dengan menggantikan dengan tempayan petani yang dimasukan simen di dalamnya. Pada tahun 1988, buah gutung itu telah diganti dengan kayu cengal mengikut ukiran bentuk yang asal (Mohd Akib, 2003).



Rajah 7: Buah Gutung

iv. Loteng

Di tengah-tengah bangunan utama terdapat tangga untuk naik ke atas loteng masjid. Ia dibina pada bahagian atas antara empat taing seri dan di tengah pula adalah tunjuk langit. Bahagian ini juga menggunakan kayu yang kukuh. Keluasan loteng adalah 5.7 x 5.7 meter, tingginya 6.75meter dari lantai. Loteng ini digunakan bagi tempat pengasingan diri daripada orang ramai untuk melakukan munajat kepada Allah SWT (Mohd Akib, 2003).



Rajah 8: Loteng

v. Mimbar

Mimbar Masjid Kampung Laut diperbuat dari kayu cengal dan keras. Pada setiap bahagian dindinya berukiran (pahat terus) yang sangat unik. Mengandungi enam bidang ukiran pada setiap bahagian (penampang). Antara satu bahagian dengan bahagian yang lain, ukirannya terdapat sedikit perbezaan (Mohd Akib, 2003). Motif ukiran seni pahat pada mimbar tersebut adalah jenis 'salur bayur' dan 'daun ketumbit'. Seperti yang disebut di atas, ianya diukir dengan bentuk timbul (pahat terus). Sebahagian daripada ukiran itu dicat dengan warna perada emas (keemasan).



Rajah 9: Mimbar Masjid Kampung Laut

vi. Menara

Menara masjid dibina pada bahagian hadapan sebelah kanan masjid. Tinggi menara ini adalah 10.5 meter, luasnya 2.4 x 2.4 meter dan terdapat tiga tingkat. Di bahagian atas ber dinding dan beratap bata dengan buah gutung di puncaknya. Menara ini digunakan bagi melakukan atau melafazkan azan oleh muazzin. Setiap kali masuk waktu solat, bilal akan naik ke bahagian atas bagi melaungkan azan supaya suara laungan azan dapat didengari oleh penduduk kampung. Tetapi pada masa sekarang, alat-alat pembesar suara digunapakai setiap kali masuk waktu azan menandakan masuk waktu untuk menunaikan solat.



Rajah 10: Menara

vii. **Geduk**

Pada waktu dahulu, geduk digunakan sebagai alat yang dipalu bagi menandakan masuk waktu solat. Selepas paluan geduk, diikuti pula dengan laungan azan. Adakalanya geduk digunakan bagi menandakan berlaku kematian dalam mukim tersebut. Tarikh geduk dibuat tidak dapat dipastikan dengan tepat. Mengikut pandangan orang tua Kampung Laut, ianya dibuat serentak dengan mimbar dan sebuah belindan kubur orang kenamaan di Kampung Laut pada masa tersebut. Geduk Masjid Kampung Laut yang asal berukuran 1.65 x 0.66 meter (garis lintang permukaan), bingkainya diperbuat daripada kayu cengal yang keras dan tebalnya adalah 5 cm. Belulang yang digunakan adalah kulit lembu yang diawet dengan baik. Kulit tersebut dilekatkan pada sekeliling permukaan geduk tersebut selebar 3.3 cm. Kulit itu dipahat dengan menggunakan dua garis pementing kayu yang berkedudukan selang seli pada sekeliling permukaanya (Mohd Akib, 2003)



Rajah 11: Geduk

Usaha Pemeliharaan dan Konservasi Masjid Kampung Laut

Masjid Kampung Laut merupakan salah satu masjid tertua di Malaysia yang memiliki nilai sejarah dan seni bina yang tinggi. Sebagai warisan Islam yang berharga, pelbagai usaha telah dilakukan bagi memastikan kelangsungan dan pemeliharaan masjid ini agar terus berdiri megah dan dapat diwarisi oleh generasi akan datang. Antara langkah utama dalam usaha konservasi masjid ini termasuklah pemindahan semula ke tapak asal, kerja-kerja restorasi seni bina, pembangunan tapak warisan, serta penglibatan pelbagai pihak dalam memastikan kelestarian masjid ini.

Salah satu usaha paling signifikan dalam pemeliharaan Masjid Kampung Laut adalah pemindahan semula masjid ke tapak asalnya di Kampung Laut, Tumpat, Kelantan pada tahun 2021. Langkah ini diambil oleh pihak berkuasa bagi mengembalikan identiti sejarah masjid

yang pernah dipindahkan ke Nilam Puri pada tahun 1968 akibat ancaman hakisan Sungai Kelantan. Pemindahan ini bukan sekadar membawa semula masjid ke lokasi asalnya, tetapi juga merupakan inisiatif strategik dalam memastikan masjid ini terus terpelihara dengan keaslian struktur dan reka bentuk asalnya. Kerja-kerja pemindahan melibatkan pembongkaran secara terperinci, pemetaan setiap struktur utama, dan pemasangan semula mengikut teknik pertukangan tradisional Melayu (ECERDC, 2021).

Selain itu, proses pemuliharaan masjid turut menumpukan kepada aspek seni bina dan struktur fizikalnya. Masjid ini dikenali dengan keunikan seni binanya yang tidak menggunakan sebarang paku dalam pembinaannya. Oleh itu, pemuliharaan dilakukan dengan mengekalkan bahan binaan asal seperti kayu cengal dan memastikan elemen-elemen tradisional seperti bumbung bertingkat, tiang seri, serta mimbar masjid dipulihkan mengikut kaedah pertukangan lama. Usaha ini penting bagi mengekalkan keunikan warisan Melayu-Islam serta memastikan keaslian masjid dapat dikekalkan bagi tatapan generasi masa depan (YADIM, 2019).

Sebagai tambahan, pemuliharaan Masjid Kampung Laut juga melibatkan pembangunan kawasan sekitarnya sebagai tapak pelancongan warisan. Masjid ini kini menjadi sebahagian daripada Kompleks Warisan Kampung Laut, yang turut merangkumi Galeri Masjid, pusat informasi sejarah, serta kemudahan pelancongan bagi menarik lebih ramai pengunjung. Pembangunan ini tidak hanya bertujuan untuk mengekalkan warisan sejarah, tetapi juga untuk meningkatkan kesedaran masyarakat tentang kepentingan pemuliharaan seni bina Islam di Malaysia. Inisiatif ini membuktikan bahawa pemeliharaan warisan bukan sekadar tertumpu kepada aspek fizikal semata-mata, tetapi juga merangkumi peranan masjid sebagai pusat pendidikan dan tarikan pelancongan warisan (ECERDC, 2021).

Selain pihak kerajaan, usaha pemeliharaan dan konservasi Masjid Kampung Laut turut melibatkan pelbagai pihak termasuk organisasi bukan kerajaan (NGO), institusi pendidikan, dan masyarakat setempat. Kajian mendapati bahawa program-program kesedaran seperti seminar warisan, lawatan Pendidikan dan pameran sejarah telah dijalankan bagi meningkatkan apresiasi masyarakat terhadap kepentingan masjid ini. Jabatan Warisan Negara (2020) menyatakan bahawa penglibatan komuniti dalam pemeliharaan warisan adalah elemen penting dalam memastikan kesinambungan sejarah dan identiti sesuatu tapak warisan. Oleh itu, usaha pemuliharaan yang dilakukan bukan sahaja bersifat fizikal tetapi juga melibatkan aspek pendidikan dan kesedaran budaya dalam kalangan masyarakat.

Secara keseluruhannya, usaha pemeliharaan dan konservasi Masjid Kampung Laut mencerminkan kepentingan mengekalkan warisan Islam melalui pendekatan fizikal, pendidikan, dan pelancongan warisan. Langkah-langkah yang diambil bukan sahaja memastikan masjid ini terus terpelihara dalam keadaan asalnya, tetapi juga berfungsi sebagai pusat ilmu dan simbol kebanggaan warisan Islam di Malaysia. Dengan adanya usaha berterusan daripada semua pihak, Masjid Kampung Laut akan terus kekal sebagai bukti kegemilangan seni bina Islam di Nusantara serta warisan yang perlu dihargai oleh generasi akan datang.

Kesimpulan

Masjid Kampung Laut merupakan salah satu khazanah seni bina Islam yang penting dalam sejarah Malaysia dan Nusantara. Dengan sejarah yang dipercayai bermula sejak abad ke-16 atau ke-17, masjid ini bukan sekadar tempat ibadah tetapi juga bukti keutuhan warisan Islam di rantau ini. Seni binanya yang unik, termasuk pembinaan tanpa penggunaan paku,

mencerminkan kecanggihan pertukangan Melayu tradisional serta pengaruh seni bina Islam yang kuat dalam kalangan masyarakat terdahulu.

Usaha pemindahan dan pemuliharaan Masjid Kampung Laut oleh pihak berkuasa seperti Jabatan Warisan Negara dan ECERDC menunjukkan kepentingan konservasi terhadap warisan Islam. Pemindahan masjid kembali ke lokasi asalnya di Kampung Laut bukan sekadar usaha fizikal, tetapi juga simbolik dalam mengembalikan nilai sejarah dan identiti budaya yang semakin terhakis oleh arus pemodenan. Selain itu, pemeliharaan masjid ini sebagai destinasi pelancongan warisan turut memberi impak positif kepada pembangunan sosioekonomi setempat dengan menarik kehadiran pelancong serta penyelidik dalam bidang sejarah dan seni bina. Namun, cabaran utama yang perlu diberikan perhatian ialah memastikan kesinambungan usaha pemeliharaan agar masjid ini terus dihargai oleh generasi akan datang. Ini termasuk aspek penyelenggaraan berkala, pendidikan kepada masyarakat mengenai nilai warisan, serta pengurusan lestari yang tidak mengorbankan keaslian seni bina masjid. Oleh itu, kolaborasi antara pihak kerajaan, institusi akademik, badan bukan kerajaan (NGO), serta masyarakat setempat amat diperlukan bagi memastikan warisan berharga ini terus dipelihara sebagai bukti kegemilangan peradaban Islam di Malaysia.

Kajian ini berjaya mencapai objektif untuk menilai kepentingan masjid ini sebagai simbol ketamadunan Islam yang perlu dipelihara. Usaha pemindahan dan pemuliharaan Masjid Kampung Laut oleh pihak berkuasa seperti Jabatan Warisan Negara dan ECERDC telah menunjukkan komitmen yang tinggi dalam mengekalkan nilai sejarah dan identiti budaya yang semakin terancam oleh arus pemodenan. Kajian ini juga mendapati bahawa peranan masjid sebagai destinasi pelancongan warisan memberi impak positif kepada pembangunan sosioekonomi setempat dengan menarik pelancong dan penyelidik dalam bidang sejarah serta seni bina. Kesimpulannya, Masjid Kampung Laut bukan hanya sebuah binaan fizikal tetapi lambang ketamadunan Islam yang perlu dilindungi. Keunikan seni bina, kepentingan sejarah, dan usaha konservasi yang berterusan menjadikan masjid ini sebagai satu warisan yang perlu terus dihargai dan dipertahankan untuk tatapan generasi akan datang.

Penghargaan

Penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah memberikan sokongan dan kerjasama dalam penyediaan artikel ini. Ucapan terima kasih khusus ditujukan kepada mereka yang telah menyediakan bahan-bahan kajian yang amat membantu dalam pelaksanaan penyelidikan ini. Tidak dilupakan juga kepada keluarga dan rakan-rakan atas sokongan moral yang diberikan.

Rujukan

- Al-Ahmadi, A.R (1990). Cet.Pertama. Bangunan Kuno Masjid Kampung Laut: Hubungannya Dengan Champa dan Demak. Kota Bharu: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.
- Alias, A. F. (2022). Kajian terhadap struktur dan falsafah seni bina Masjid Kampung Laut (Projek Akhir Tahun). Universiti Malaysia Kelantan. <https://discol.umk.edu.my/id/eprint/5511/>
- Bernama. (2022, Januari 17). Mimbar Masjid Kampung Laut tertua di Malaysia. Bernama. Retrieved from <https://www.bernama.com>
- ECERDC. (2021). Pemindahan bersejarah Masjid Kampung Laut ke lokasi asalnya. Retrieved from <https://www.ecerd.com.my>

- Jabatan Warisan Negara. (n.d.). Pemuliharaan bangunan tradisional. Retrieved from <https://www.heritage.gov.my/en/component/content/article/pemuliharaan-bangunan-tradisional.html?Itemid=436&catid=17%3Ainfo-jwn>
- Hanafi, M. H., Abdullah, S., & Ahmad Rashid, Z. Z. (2023). Framework for the implementation procedures of relocation and conservation of the Kampung Laut Old Mosque: A contractor's perspective. *International Journal of Sustainable Construction Engineering and Technology*, 14(2), 1-10. <https://doi.org/10.17576/ijscet-2023-1402-01>
- Harakah Daily. (2022, September 12). Masjid Kg Laut: Berkat Wali Songo, simbolik penyatuan ummah. Retrieved from <https://harakahdaily.net>
- Hassan. A. S & Ahmad Nawawi. M. S. (2014). Malay Architectural Heritage on Timber Construction Technique of the Traditional Kampung Laut Old Mosque, Malaysia. Published by Canadian Center of Science and Education. *Asian Social Science*; Vol. 10, No. 8; 2014 ISSN 1911-2017 E-ISSN 1911-2025.
- Ismail, R., & Hassan, N. (2020). Seni bina Melayu dalam landskap warisan Islam di Malaysia: Kajian kes Masjid Kampung Laut. *Journal of Islamic Architecture*, 6(2), 45-58.
- Ismail. N. S. (2021) Kajian Tentang Reka Bentuk Seni Bina Masjid Warisan Melayu Dalam Penghasilan Karya Seni Catan. Final Year Project thesis, Universiti Malaysia Kelantan (UMK).
- Jamaludin, M. Y., Ahmad, S., & Zain, M. F. M. (2022). Pemindahan dan pemuliharaan Masjid Kampung Laut: Cabaran dan pelaksanaan. *Journal of Heritage Conservation*, 10(1), 30-50.
- Khalit, N. A., Denan, Z., Sanusi, A. N. Z., & Nawawi, N. M. (2023). Assessment of indoor thermal condition on traditional vernacular masjid: A case study on Masjid Kampung Laut, Malaysia. *Jurnal Kejuruteraan*, 35(3), 155-162. [https://doi.org/10.17576/jkukm-2023-35\(3\)-12](https://doi.org/10.17576/jkukm-2023-35(3)-12)
- Mat Yusoff, M. K. N., & Azmi, A. (2023). Kesan Pengaruh Islam Di Asia Tenggara: Satu Kajian Di Kampung Laut, Tumpat, Kelantan. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 8 (53), 278 - 295.
- Mat Yusoff, M. K. N. (2009). Masjid Kampung Laut: Satu Kajian dari Sudut Sejarah dan Sumbangannya terhadap Masyarakat Islam. *Projek Ilmiah Ijazah Sarjanamuda Pengajian Arab dan Tamadun Islam*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muda, N. A. (2012). Simbolisme Masjid Kampung Laut (Laporan projek tahun akhir, Universiti Malaysia Sarawak). UNIMAS Institutional Repository.
- N. I. M. Amin, M. R. M. Nasir, I. L. H. Ibrahim, M. R. Khairuddin. (2021). Cross Ventilation; A Traditional Solution for Better Indoor Air Quality (IAQ). Case Study: Masjid Kampung Laut, Kelantan, Malaysia. *Proceedings Of The 9th International Conference on Advanced Material Engineering & Technology*. 20–21 December 2021. Langkawi, Malaysia.
- Salleh. M. A. (2003). Masjid Tua Kampung Laut, Kota Bharu. Cet. Pertama. Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.
- Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM). (2019, November 4). Masjid Kampung Laut. YADIM. Retrieved from <https://www.yadim.com.my>
- Zainal Abidin @ Mohamed. S. (2010). Masjid Kampung Laut: Kajian Terhadap Struktur Dan Falsafah Senibina. Undergraduate Final Project Report thesis, Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan. Universiti Malaysia Kelantan (UMK).